

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 416 – Ekonomi Sektor Awam**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Soalan No. 1 WAJIB dijawab dan pilih DUA soalan yang berikutnya.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Peranan ekonomi sektor awam telah banyak mendarangkan kekeliruan, khususnya apabila membincangkan isu projek awam, barang awam dan pencukaian. Apakah asas teori makroekonomi dan mikroekonomi sektor awam? Berdasarkan pengalaman Malaysia, apakah peranan ekonomi sektor awam yang nyata kepada anda?

(100 markah)

2. Apakah sumber-sumber pendapatan sektor awam Malaysia? Bagaimanakah perbelanjaan awam diproses supaya peranan ekonomi sektor awam berkesan? Bincangkan. Rajah adalah wajib.

(100 markah)

3. Golongan neoklasik menyatakan sektor awam tiada peranan kecuali menjaga nilai matawang, penguatkuasaan kontrak dan keselamatan negara. Keynes, Friedman dan Laffer ada pendapat yang berbeza. Bincangkan secara mendalam isu perbezaan pendapat di antara mereka dan relevannya dalam konteks Malaysia.

(100 markah)

4. Secara terperinci bincangkan kesamaan dan perbezaan di antara sistem pencukaian yang lazim dan pencukaian cara Islam. Bagaimanakah kedua-dua sistem pencukaian diselaraskan di Malaysia? Contoh yang sesuai wajib bagi soalan ini.

(100 markah)

5. Ekonomi Sektor Awam adalah sama dengan ekonomi kebajikan. Dengan teori dan rajah yang kukuh beri pendapat anda dan bincangkan dengan mendalam.

(100 markah)